



## SIARAN MEDIA IBU PEJABAT

AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
MALAYSIAN MARITIME ENFORCEMENT AGENCY  
(MALAYSIA COAST GUARD)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

HOTLINE POMAR : +603-8995 7820 / +6019-261 1833

FAKS: +603-8941 4527

### KAPAL PERONDA LUAR PESISIR PERTAMA AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA DISERAHKAN SECARA RASMI KEPADA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**PULAU INDAH, 2 Januari** – Kapal Peronda Luar Pesisir Pertama (OPV1) secara rasminya diserahkan oleh pihak TH Heavy Engineering Berhad (THHE) kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam majlis yang diadakan pada hari ini.

Dalam majlis berkenaan, Ketua Setiausaha KDN, YBhg Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi telah hadir untuk menerima OPV1 secara rasmi bagi membolehkan ianya diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dan carilamat.

Penyerahan OPV1 ini adalah satu lagi detik bersejarah kepada kementerian ini khususnya Kerajaan MADANI kerana telah berjaya memastikan kapal peronda buatan tempatan ini siap dibina setelah beberapa kali berlaku penangguhan akibat ancaman Covid-19 selain proses membawa masuk peralatan teknikal terkini kapal yang diimport dari negara luar.

OPV1 ini dibina menggunakan rekabentuk Damen 1800 berukuran 83 meter panjang dengan lebar 13.7 meter dan berkeupayaan melakukan operasi di laut dalam jangka waktu 21 hari tanpa ulang bekal.

Reka bentuk kapal ini bakal menjadikan OPV1 berkemampuan menghadapi laut bergelora sehingga tahap *Force 7*. Ianya juga mampu melaksanakan tugas-tugas seperti *Humanitarian Assistance & Disaster Relief* (HADR), bertindak sebagai Kapal Logistik, Kapal *Mothership*, Kapal Pemerintah, serta menjadi tempat penyimpanan *Oil Pollution Equipment*.

Turut hadir sama Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Hamid Mohd Amin serta Pengerusi TH Heavy Engineering Berhad, YBhg. Dato' Ir. Jauhari bin Hamidi.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Mohd Amir Khusairi bin Harun  
Pegawai Perhubungan Awam  
Ibu Pejabat  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia  
Kementerian Dalam Negeri  
Tingkat 12, One IOI Square,  
IOI Resort, 62502 Putrajaya  
Tel : +60 12-460 6548  
Emel : amirkhusairi@mmea.gov.my

OPV1 ini mampu mencapai kelajuan 21 knot serta mempunyai fasiliti seperti tapak pendaratan helikopter dan bilik tahanan. Malah ia juga turut dilengkapi dengan peralatan canggih seperti *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), Meriam 30mm Smash Aselsan, dua buah bot jenis *Rigid Hull Inflatable Boat* (RHIB) Dan *Fast Interceptor Craft*.

OPV1 ini juga didatangkan bersama Radar *X dan S Band* bagi memastikan rondaan mampu bergerak secara meluas selain boleh menempatkan 70 orang anak kapal dalam satu-satu masa operasi.

Berdasarkan kehebatan yang ada pada kapal berkenaan, ia diharapkan mampu membantu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) memperkasakan lagi pengoperasian agensi ini dalam menguatkuasakan undang-undang maritim seterusnya memastikan Zon Maritim Malaysia (ZMM) berada dalam keadaan selamat dan sejahtera.

Sebelum diserahkan kepada pihak Kementerian, OPV1 telah melalui beberapa fasa percubaan termasuk fasa ujian di laut (*sea trial*) yang dilakukan di Selat Melaka bersama aset-aset Maritim Malaysia yang terlibat dalam Eksesais Maritim Perkasa Barat pada 28 November lalu.

-Tamat-

---

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Mohd Amir Khusairi bin Harun  
Pegawai Perhubungan Awam  
Ibu Pejabat  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia  
Kementerian Dalam Negeri  
Tingkat 12, One IOI Square,  
IOI Resort, 62502 Putrajaya  
Tel : +60 12-460 6548  
Emel : amirkhusairi@mmea.gov.my